

# **BAB LIMA**

## BAB KELIMA

### KESIMPULAN DAN PENUTUP

#### 5.1 Kesimpulan

Hasil keseluruhan penyelidikan ini, penulis dapat membuat beberapa kesimpulan sebagai berikut :

5.1.1 Pengajian al-Qur'an yang wujud pada hari ini adalah hasil daripada kedatangan Islam di rantau ini. Penghayatannya dapat dilihat dari hasil usaha para ulama' tempatan dalam membangun institusi khas untuknya, iaitu institusi pendidikan pondok. Manakala rumah-rumah mereka juga turut di jadikan tempat untuk mempelajari al-Qur'an. Tidak dinafikan, pengajian al-Qur'an membantu individu menguasai tulisan dan bahasa Arab, serta memahami Islam.

5.1.2 Dalam konteks pendidikan di Selatan Thai, pengajian al-Qur'an di teruskan hingga kini. Pelajaran itu masih diajar dan diwajibkan di Sekolah – sekolah Agama, namun peruntukan masa untuknya makin berkurangan, akibat pelaksanaan kurikulum dari Kementerian Pendidikan Negara. Malahan di dapati murid sekolah kini mengalami masalah dalam pengajian al-Qur'an yang agak serius. Walaupun pelajar-pelajar tersebut mempunyai kefahaman tentang hakikat pengajian al-Qur'an dan kepentingannya dengan baik, membaca al-Qur'an dengan bertajwid dan fasih. Tambahan lagi mereka mengakui bahawa mereka tidak berjaya menghafazkan ayat-ayat lazim untuk dibaca dalam sembahyang.

Masalah ini berpunca dari peranan pentadbir, guru al-Qur'an, kaedah pengajaran dan diri pelajar itu sendiri. Keadaan ini memberi kesan.

### **5.1.3 Persepsi pelajar terhadap pengajian al-Qur'an.**

Tahap kefahaman tentang hakikat dan kepentingan pengajian al-Qur'an di sekolah adalah sangat baik dan positif. Didapati kebanyakan mereka sangat bersetuju bahawa pengajian dan pembelajaran al-Qur'an adalah diwajibkan atas setiap individu Muslim, Ia adalah suatu ibadat, malah sepatutnya dikaji isi kandungannya bukan hanya membaca semata-mata, dimikian juga orang yang mengajar dan belajar al-Qur'an mendapat ganjaran besar di sisi Allah.

### **5.1.4 Persepsi pelajar-pelajar terhadap kaedah pengajian al-Qur'an**

Kaedah dan langkah-langkah pengajaran al-Qur'an yang digunakan masih dianggap berada pada tahap yang lemah. Manakala kaedah yang sering digunakan ialah kaedah tradisional musyafahah, *tasmif*, dan *talaqqi* sahaja.

### **5.1.5 Persepsi pelajar terhadap guru al-Qur'an**

Didapati majoriti pelajar mempunyai tanggapan yang positif terhadap personaliti guru al-Qur'an .

- a) Guru al-Qur'an mempunyai disiplin yang tinggi terutama dari segi masuk dan keluar kelas
- b) Selalu memberi bimbingan kepada pelajar
- c) Sentiasa memberi galakan dan dorongan supaya sentiasa membaca al-Qur'an

- d) Menitik berat tentang adab-adab membaca al-Qur'an
- e) Sentiasa membetulkan bacaan pelajar dengan baik
- f) Menggalakkan pelajar supaya menghafaz ayat-ayat al-Qur'an.

Didapati hanya beberapa kelemahan pada diri guru al-Qur'an yang dapat di rasai oleh pelajar iaitu mereka tidak mempunyai kemahiran dalam ilmu-ilmu al-Qur'an, tidak memahami al-Qur'an secara mendalam, dan tidak menilai kerja-kerja pelajar dengan secara berkesan.

#### **5.1.6 Persepsi pelajar terhadap keberkesanan pengajian al-Qur'an**

Didapati bahawa objektif jangka pendek atau objektif terancang belum tercapai. Ini kerana sebahagian besar pelajar mengakui bahawa mereka bukan sahaja tidak dapat membaca al-Qur'an dengan bertajwid dan fasih, malahan tidak berjaya menghafazkan ayat-ayat lazim untuk dibaca dalam sembahyang. Manakala objektif jangka panjang tercapai kerana didapati guru dapat memupuk perasaan cinta terhadap al-Qur'an dan mengamalkan dengan ajarannya.

#### **5.1.7 Persepsi pelajar terhadap masalah-masalah yang dihadapi**

Berkaitan dengan masalah yang dihadapi para pelajar dalam pengajian al-Qur'an, didapati majoriti pelajar bersetuju bahawa :

- A. Guru tidak mengambil berat tentang berbezaan latar belakang pelajar dalam aspek kebolehan membaca al-Qur'an.

- B. Guru tidak mengambil berat untuk membantu dan menyelesaikan masalah-masalah dalam pengajian al-Qur'an.
- C. Kelemahan mereka dalam bahasa Arab.
- D. Kekurangan alat-alat bantu dalam pengajaran dan pembelajaran.

### **5.1.8 Persepsi pelajar terhadap cadangan untuk pengajian al-Qur'an di masa depan**

Majoriti pelajar bersetuju di atas cadangan bahawa guru patut menggunakan kaedah-kaedah yang berkesan dalam pengajaran yang dirasakan sesuai dengan perkembangan daya intelek pelajar-pelajar, dan guru juga patut sentiasa memberi galakan dan dorongan kepada pelajar-pelajar supaya mencintai pengajian al-Qur'an.

Secara keseluruhan, penyelidikan ini memberi imej yang positif terhadap kefahaman pelajar terhadap pengajian al-Qur'an, persepsi terhadap guru al-Qur'an dan cadangan untuk pengajian al-Qur'an di masa depan. Walau bagaimanapun didapati beberapa perkara yang perlu diambil tindakan segera agar ia tidak berlarutan. Ini termasuk kaedah-kaedah pengajaran, syarat asasi sebagai guru al-Qur'an, masalah-masalah dalam pengajian al-Qur'an dan keberkesanan pengajian itu;

## SARANAN-SARANAN

Adalah menjadi harapan penulis agar segala saranan dan komentar yang dihasilkan dari penyelidikan ini dapat dimanfaatkan oleh pihak tertentu demi memertabatkan kualiti dan keberkesanan Pengajian al-Qur'an dalam Sekolah Menengah Agama. Berikut adalah beberapa saranan yang perlu diberi perhatian

### **Pihak Pentadbir Sekolah**

- a. Pentadbir Sekolah hendaklah mengemas kini sukatan pelajaran al-Qur'an di peringkat Sekolah Menengah agar corak pembelajarannya lebih bermakna, berwawasan dan berupaya memupuk minda dan minat murid.
- b. Mengemaskinikan lagi strategi pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an disekolah menengah agama agar dapat melahirkan warga pelajar yang berkebolehan membaca dan memahami al-Qur'an dengan baikia boleh dilakukan dengan mengadakan ulang kaji bagi mengenal pasti kelemahan yang wujud dalam pengajian al-Qur'an sebelum ini
- c. Pihak pentadbir handaklah sentiasa peka dengan masalah kurang keberkesanan pengajian al-Qur'an di kalangan pelajar, kerana ia penting bagi setiap individu yang beragama Islam
- d. Pentadbir hendaklah mengadakan seminar dan bengkel pengajian al-Qur'an kepada guru-guru al-Qur'an khususnya bagi memantapkan lagi pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an serta berupaya membentuk pelajar yang berkemahiran dalam ilmu al-Qur'an.

## **Guru-guru**

- a. Guru-guru hendaklah meningkat mutu pengajaran al-Qur'an dengan lebih bermakna, bijak, dan terancang.
- b. Guru-guru hendaklah berusaha meningkatkan personaliti mereka melalui pelbagai aktiviti kemahiran perguruan, penguasaan ilmu pengetahuan teknologi dan inovasi pendidikan demi meningkatkan kualiti pengajaran dari masa ke semasa.
- c. Meningkatkan kesediaan untuk membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada pelajar yang bermasalah dalam pengajian al-Qur'an
- d. Bersikap tegas dalam pengajaran dan pembelajaran yang memerlukan pelajar membaca dan memahami al-Qur'an dengan baik .
- e. Bertindak sebagai kaunselor kepada pelajar-pelajar, bagi memulihkan semangat dan daya saing mereka yang kurang minat belajar atau malas.
- f. Guru hendaklah sentiasa menggiatkan aktiviti hafazan ayat-ayat al-Qur'an sama ada melalui acara mingguan, harian, atau tahunan.

## **Pelajar-pelajar**

Bagi menjamin kecemerlangan dalam pengajian al-Qur'an di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah agama, semua pihak perlu memainkan peranan bagi menggerakkan para pelajar supaya ;

- a. Sentiasa bersedia menghadapi cabaran pembelajaran dengan lebih serius, komited, dan yakin diri

- b. Menghilangkan tanggapan negatif terhadap pengajian al-Qur'an dan berusaha menanam sikap minat pada setiap pelajaran yang dipelajari agar kejayaan menyeluruh dapat di capai dengan seimbang.
- c. Hendaklah sentiasa memberi kerjasama dengan guru dalam apa jua aktiviti pelajaran, dan berusaha meningkatkan keupayaan diri membaca dan memahami al-Qur'an agar mampu menjadi pewaris al-Qur'an yang berpotensi pada masa hadapan

### **Ibu Bapa**

Kerjasama semua pihak khususnya pihak sekolah , guru, dan pelajar diharap dapat meningkatkan kefahaman dan kesedaran ibu bapa supaya ;

- a. Sentiasa mendorong anak –anak terhadap pembacaan dan pemahaman al-Qur'an, kerana sumbangan mereka dapat membantu kemajuan pembelajaran anak-anak di sekolah .
- b. Sentiasa mengambil tahu tentang kemajuan pelajaran anak-anak
- c. Mempamerkan sahsiah yang baik dan kecenderungan yang tinggi terhadap “ pengisian rohani” agar anak-anak juga dapat mengikut teladan mereka dengan mudah. umpamanya amalan membaca al-Qur'an, dan menghafalnya
- d. Berkerjasama dengan pihak sekolah dalam usaha mendisiplinkan pelajar sekolah, sebagai langkah sokongan dan sumbangan moral terhadap masa depan anak-anak.



## PENUTUP

Tidak dinafikan bahawa pelaksanaan pengajian al-Qur'an di Sekolah Menengah Agama Madrasah al-Rahmaniah kini sedang mengalami beberapa masalah yang boleh mengurangkan keberkesanan pengajian tersebut. Pada keseluruhannya, kebanyakan pelajar –pelajar memahami tentang konsep dan kepentingan pengajian itu sendiri. Walau bagaimanapun kaedah pengajaran dan pembelajaran masih lemah. Oleh itu guru-guru al-Qur'an khususnya haruslah kerap diberi peluang mengikuti seminar- seminar dan bengkel- bengkel pedagogi pengajaran dan pembelajaran yang efektif, bagi memantap lagi pengajaran mereka dalam kelas. Sesungguhnya masalah kelemahan membaca al-Qur'an dikalangan murid sekolah ini sering berlaku disebabkan faktor yang lain. Antaranya kelemahan guru-guru al-Qur'an , dimana mereka itu tidak mempunyai kemahiran dalam ilmu-ilmu al-Qur'an dan tidak memahami al-Qur'an secara mendalam. Tambahan lagi guru tidak menilai kerja-kerja pelajar dengan berkesan, tidak mengambil berat tentang perbezaan latar belakang pelajar dalam aspek kebolehan membaca al-Qur'an, dan tidak mengambil berat untuk membantu dan menyelesaikan masalah –masalah dalam pengajian al-Qur'an. Manakala faktor yang lain adalah kelemahan bahasa Arab dan kekurangan alat-alat bantu mengajar dan belajar. Malangnya , para pentadbir sekolah terlalu sukar untuk memulih masalah tersebut lantaran bebanan tugas pentadbir di sekolah kian bertambah . Masa yang terhad, bebanan yang bertambah, pelajar bermasalah adalah antara faktor yang menyumbang kepada kekurangan keberkesanan pengajian al-Qur'an di sekolah tersebut.

Justeru itu, komitmen oleh semua pihak haruslah diambil perhatian bagi memastikan pengajian al-Qur'an dalam sekolah berperanan sewajarnya. Pihak pentadbir sekolah selaku pembuat dasar, bertanggungjawab memastikan usaha-usaha pemulihan pengajian al-Qur'an dapat ditangani dengan jayanya. Kerja sama guru dan ibu bapa murid boleh menyemarakkan lagi usaha-usaha pemeliharaan pengajian al-Qur'an di peringkat sekolah.

Mengubah suai corak pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an mengikut perkembangan semasa dan intelektual murid, boleh menarik minat dan tumpuan mereka untuk belajar. Pengajian al-Qur'an harus dilihat sebagai satu pengajian yang syumul termasuklah belajar membaca, memahami, menghayati dan mengamalkan ajarannya.

Tegasnya, pengajian al-Qur'an adalah salah satu tamaddun Islam, dimana kehadirannya haruslah dilihat sebagai suatu anugerah dari Allah yang perlu di jaga dan dipelihara sebagai sebahagian daripada khazanah ilmu yang tidak mungkin hilang sampai bila-bila.

Oleh itu, usaha yang tegas dan bersungguh-sungguh perlu di ambil sepanjang masa bagi memastikan mutiara Islam tidak terabai begitu sahaja.